



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN DAN VALIDASI INSTRUMEN PENGUKURAN EFKASI  
KENDIRI TERHADAP PENTAKSIRAN ALTERNATIF DALAM  
KALANGAN GURU**

NORMARINA BINTI ABD RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENILAIAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2016**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menentusahkan instrumen pengukuran efikasi kendiri terhadap pentaksiran alternatif (EKPA) dan mengukur tahap efikasi kendiri guru terhadap pentaksiran alternatif. Item-item dalam instrumen EKPA mewakili tiga dimensi konstruk efikasi kendiri iaitu pemerolehan sumber untuk menjalankan pentaksiran alternatif, pelaksanaan pentaksiran alternatif serta cabaran melaksanakan pentaksiran alternatif. Item-item dibina melalui beberapa prosedur melibatkan tinjauan literatur, pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian dan draf item, pengesahan pakar serta analisis item. Sejumlah 375 orang guru terlibat sebagai responden dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata. Data yang dikumpul dianalisis berdasarkan model pengukuran Rasch bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, dan seterusnya menentukan tahap efikasi kendiri guru terhadap pentaksiran alternatif. Keputusan menunjukkan indeks kebolehpercayaan bagi item adalah 0.99. Indeks pisahan item adalah melebihi 2.0 dan kesemua item menghasilkan nilai polariti yang positif. Nilai *infit* dan *outfit* bagi MNSQ pada selang 0.6 hingga 1.4 digunakan sebagai panduan untuk mengekalkan item. Analisis deskriptif menunjukkan secara keseluruhannya guru mempunyai tahap efikasi kendiri yang baik terhadap pentaksiran alternatif dengan min pada nilai +0.65 logit. Pihak berkaitan seperti pentadbir sekolah dan pengurus latihan guru boleh menggunakan maklumat tentang tahap efikasi kendiri guru-guru terhadap pentaksiran alternatif ini untuk menentukan latihan dan kursus perkembangan staf yang bersesuai bagi menggalakkan penggunaan pentaksiran alternatif dalam kalangan guru sekolah. Instrumen ini boleh ditadbir kepada guru daripada pelbagai latar belakang di semua negeri di Malaysia sebelum penggunaan EKPA diperluaskan kepada populasi.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V

## **DEVELOPMENT AND VALIDATION OF SELF-EFFICACY MEASUREMENT TOWARDS ALTERNATIVE ASSESSMENT INSTRUMENT AMONG TEACHERS**

### **ABSTRACT**

This study aims to develop and validate a self-efficacy towards alternative assessment instrument (EKPA) and measure the level of teachers' self-efficacy towards alternative assessment. The items in the instrument represent the three dimension of self-efficacy namely the self-efficacy towards gathering resources to implement alternative assessment, self-efficacy towards implementing alternative assessment and self-efficacy towards challenges in implementing alternative assessment. They were constructed through several procedures involving literature review and document analysis, preparation of test specification table and draft items, expert verification, and item analysis. A total of 375 teachers were involved as respondents using stratified random sampling technique. The data gathered were analysed based on the Rasch measurement model to determine the validity and reliability of the instrument, and consequently to measure the level of teachers' self-efficacy towards alternative assessment. The results showed that the reliability index of the EKPA was 0.99. The item separation index was greater than 2.0 and all items produced positive item polarity values. Infit and outfit MNSQ range of 0.6 to 1.4 was used to retain the items. Descriptive analysis showed that overall, the level of teachers' self-efficacy towards alternative assessment was good with a mean value of +0.65 logit. Relevant parties such as school administrators and teacher training managers can use the information about teachers' self-efficacy towards alternative assessment level to determine the appropriate training and staff development programme to encourage the use of alternative assessment among teacher. This instrument can be administered to teachers from different background in all states in Malaysia before expanding its use to the population .



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Dimensi Kebarangkalian bagi Tujuan dan Amalan Pentaksiran	32
2.2 Huraian Julat MNSQ	94
2.3 Huraian Julat z-Std	95
3.1 Jadual Pensampelan	101
3.2 Jadual Spesifikasi (Item matrik) Instrumen EKPA-45	107
3.3 Ciri Kesahan Konstruk Instrumen EKPA-45	109
3.4 Jadual spesifikasi (Item matrik) instrumen EKPA-32	110
3.5 Ciri Kesahan Konstruk Instrumen EKPA-32	111
3.6 Skala Keyakinan	113
3.7 Kalibrasi Struktur Skala 10 Mata	119
3.8 Kalibrasi Struktur Skala 4 Mata	119
3.9 Kebolehpercayaan Item dan Individu bagi EKPA-45	120
3.10 Item Misfit yang Disatukan	121
3.11 Jadual Entri Item	122
3.12 Jadual Nilai Korelasi Residual Terpiawai	123
3.13 Kesahan Respon Responden Instrumen EKPA-45	124
4.1 Kriteria bagi Kesahan Item dalam EKPA-32	128
4.2 Kalibrasi Struktur Skala Rating	130



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

4.3	Varians Reja Terpiawai (dalam unit Nilai Eigen)	131
4.4	Item Misfit yang Disatukan	134
4.5	Nilai Korelasi Residual Terpiawai	135
4.6	Hierarki Item-item Instrumen EKPA-32 Mengikut Skor Logit	136
4.7	Kesahan Respon Responden Instrumen EKPA-32	140
4.8	Kebolehpercayaan Item dan Individu dalam EKPA-32	141
4.9	Min, Mod dan Peratus Guru Melebihi Min Anggaran Kebolehan Guru dalam Setiap Dimensi EKPA-32	143
4.10	Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kebolehan Individu ‘variability’ dalam Ukuran Logits Setiap Dimensi EKPA-32	144
4.11	Tahap Efikasi Kendiri Terhadap Pentaksiran Alternatif Secara Keseluruhan	146



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1 Transformasi Konsep Kurikulum, Teori Pembelajaran dan Pengukuran	34
2.2 Bentuk Tindakan Susulan	53
2.3 Teori Kognitif Sosial	60
2.4 Konsep Kesahan Konstruk	88
2.5 Pemetaan Kesukaran Item-Kebolehan Individu	91
3.1 Prosedur Pembinaan Instrumen Pengukuran Efikasi Kendiri Terhadap Pentaksiran Alternatif	104
4.1 Pemetaan Kesukaran Item-Kebolehan Guru	139
4.2 Taburan Kesukaran Item- Kebolehan Guru	146



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
XV

## SENARAI SINGKATAN

ARG	<i>Assessment Reform Group</i>
CTT	<i>Classical Test Theory</i> ( Teori Pengukuran Klasik)
EKPA	Efikasi Kendiri terhadap Pentaksiran Alternatif
FRI	Fungsi Respon Item
ICC	<i>Item Characteristic Curve</i>
IRT	<i>Item Response Theory</i> (Teori Respon Item)
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah



05-4506832



LI

p

Local Independent

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MNSQ	<i>Mean-square</i>
NASSP	<i>National Association of Secondary School Principals</i>
PA	Pentaksiran Alternatif
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
PEKA	Penilaian Kerja Amali
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PLM	<i>Parameter Logistic</i>
PMC	<i>Point Measure Correlation</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
XV

**PPPM** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

**PT3** Pentaksiran Tingkatan Tiga

**PTMEA** *Point Measure*

**RMK-9** Rancangan Malaysia kesembilan

**SD** *Standard deviation*

**SE** *Standard Error* (Ralat Piawai Pengukuran)

**SMK** Sekolah Menengah Kebangsaan

**SPPK** Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

**TLLM** *Teach Less Learn More*

**UPSI** Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xvi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Statistik Item
- B Jadual Skalogram Gutman : Orang Cemerlang
- C Jadual Skalogram Gutman : Orang Lemah
- D Jadual Rumusan Pengukuran
- E Soalan Temubual
- F Instrumen Soal Selidik EKPA-45
- G Surat Kesahan Pakar
- H Instrumen Soal Selidik EKPA-32
- I 05-4506832 Surat kebenaran menjalankan penyelidikan- EPRD
- J Surat kebenaran menjalankan penyelidikan – JPN
- K Surat kebenaran menjalankan penyelidikan- PPD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
------------------	----

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
--------------------	-----

<b>ABSTRAK</b>	iv
----------------	----

<b>ABSTRACT</b>	v
-----------------	---

<b>KANDUNGAN</b>	vi
------------------	----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
-----------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
--------------------------	-----

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
-------------------------	-----

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Soalan Kajian	14
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	15



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.6	Kepentingan Kajian	17
1.7	Batasan Kajian	18
1.8	Definisi Operasi	19
1.8.1	Efikasi kendiri	19
1.8.2	Pentaksiran alternatif	19
1.8.3	Tugasan pentaksiran alternatif	20
1.8.4	Guru	21
1.8.5	Model Pengukuran Rasch	21
1.8.6	Validasi	22
1.8.7	Kebolehpercayaan	22
1.9	Kesimpulan	23



## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	25
2.1	Pentaksiran Pembelajaran	26
2.1.1	Tujuan Pentaksiran Pembelajaran	26
2.1.2	Transformasi dalam Pentaksiran Pendidikan	34
2.1.3	Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme	36
2.1.4	Peranan Guru Konstruktivis	40
2.2	Pentaksiran Alternatif	43
2.2.1	Standard Pentaksiran	44
2.2.2	Ciri-ciri Pentaksiran Alternatif	53
2.2.3	Kelebihan Penggunaan Pendekatan Pentaksiran Alternatif	54





2.2.4	Cabarhan Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif	55
2.3	Efikasi Kendiri	57
2.3.1	Teori Kognitif	58
2.3.2	Konsep Efikasi Kendiri Guru	64
2.3.3	Ciri-ciri Guru Berefikasi Kendiri Tinggi	67
2.3.4	Efikasi Kendiri terhadap Pentaksiran Alternatif	70
2.3.5	Pengukuran Tahap Efikasi Kendiri Guru	73
2.3.6	Penentuan Domain dalam Instrumen Pengukuran Efikasi Kendiri	76
2.4	Teori Pembinaan Instrumen	77
2.4.1	Perbandingan Teori Pengukuran Klasik (CTT) dan Teori Respon Item (IRT)	79
2.4.2	Model Teori Respon Item (IRT)	81
2.5	Model Pengukuran Rasch	83
2.5.1	Konsep Kesahan Konstruk dalam Model Pengukuran Rasch	86
2.5.2	Aplikasi Model Rasch dalam Proses Validasi Instrumen	89
2.6	Kesimpulan	97
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.0	Pengenalan	98
3.1	Reka Bentuk Kajian	99
3.2	Pensampelan	100
3.3	Instrumen Kajian	102
3.3.1	Prosedur Pembinaan Instrumen	102





3.3.2	Penulisan Item	105
3.4	Prosedur Kajian	112
3.5	Kaedah Penganalisisan Data	112
3.5.1	Kesahan Instrumen	113
3.5.2	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan	115
3.5.3	Analisis Deskriptif	117
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Rintis	117
3.6.1	Kesahan Skala ( <i>Rating</i> )	118
3.6.2	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item-individu	120
3.6.3	Kesesuaian Item ( <i>Item fit</i> ) Mengukur Konstruk	121
3.6.4	Pengukuran Nilai Korelasi Residual Terpiawai ( <i>Standardized Residual Correlations</i> )	123
3.6.5	Taburan Responden dan Kesahan Respon Responden	124
3.7	Kesimpulan	124
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	125
4.1	Analisis Model Pengukuran Rasch	127
4.1.1	Kriteria Kesahan Pengukuran	128
4.1.2	Kesahan Skala ( <i>rating</i> )	129
4.1.3	Keseragaman Dimensi ( <i>Unidimensionality</i> )	130
4.1.4	Kesahan Item	131
4.2	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item	140





4.3 Analisis Deskriptif	142
-------------------------	-----

4.3.1 Min, Mod, Peratus Ukuran Kebolehan Melebihi Min dan Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kebolehan Guru dalam Setiap Dimensi	142
--	-----

4.3.2 Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kebolehan Individu ‘ <i>Variability</i> ’ dalam Ukuran Logits Setiap Dimensi	143
---	-----

4.3.3 Tahap Efikasi Kendiri Guru terhadap Pentaksiran Alternatif	144
--	-----

4.4 Kesimpulan	147
----------------	-----

## BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	149
----------------	-----

5.1 Rumusan Dapatan Kajian	150
----------------------------	-----

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	151
---------------------------------	-----



5.2.1 Kesahan Instrumen	152
-------------------------	-----

5.2.2 Kebolehpercayaan Instrumen	156
----------------------------------	-----

5.2.3 Tahap Efikasi Kendiri terhadap Pentaksiran Alternatif dalam Kalangan Guru	158
---	-----

5.3 Implikasi Kajian	163
----------------------	-----

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	168
------------------------------	-----

5.5 Kesimpulan dan Penutup	170
----------------------------	-----

<b>RUJUKAN</b>	173
----------------	-----

## LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sistem pendidikan yang bermutu menjadi tunjang utama kemajuan bagi sesebuah negara. Kejayaan sesuatu sistem pendidikan dinilai melalui tahap pembelajaran dan perkembangan murid semasa mereka melalui sistem tersebut. Proses pendidikan perlu dilaksanakan dengan tanggungjawab, cekap dan berfokus supaya meninggalkan impak positif kepada pembangunan ilmu, kemahiran dan akhlak murid (Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar, 2006). Salah satu komponen pendidikan yang signifikan adalah pentaksiran. Ia merujuk kepada mekanisme atau proses yang dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21 dan seterusnya, seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Melalui Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) di bawah teras yang kedua, iaitu melahirkan modal insan yang berketerampilan dan kompeten dalam melakukan kerja, dapat direalisasikan apabila sistem pentaksiran murid memfokuskan pentaksiran berdasarkan sekolah di mana guru-guru sendiri mentaksir kebolehan murid mereka. Apabila guru mentaksir murid di sekolah, bukan sahaja pencapaian akademik dapat ditaksir, bahkan aspek-aspek lain seperti kemahiran sosial dan sikap boleh dimasukkan dalam pentaksiran berkenaan. Bekas Menteri Pelajaran Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein semasa merasmikan Seminar Pentaksiran Antarabangsa Kuala Lumpur pada 2006 telah mengutarakan cadangan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melaporkan pencapaian murid bagi kedua-dua aspek akademik dan kurikulum dalam peperiksaan. Tambah beliau lagi sepatutnya pentaksiran melibatkan instrumen berbentuk autentik dan alternatif yang mampu mentaksir kecerdasan pelbagai yang merangkumi bukan sahaja akademik tetapi juga kerohanian dan emosi.

Pelbagai transformasi pentaksiran dilancarkan sejak Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dirangka dan dilancarkan pada Februari 2007. PIPP menjadi landasan utama pembangunan sistem pendidikan Negara dengan menggariskan strategi pelaksanaan, pelan tindakan dan indikator pencapaian bagi membangunkan modal insan antaranya melalui Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). SPPK merencana tiga strategi perubahan iaitu menyediakan pentaksiran alternatif, mengkaji semula sistem pentaksiran berorientasikan peperiksaan dan memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Signifikannya pentaksiran dalam menjamin kemenjadian murid ini seterusnya diperkuuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah memulakan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan pentaksiran dijalankan secara holistik seperti yang ditetapkan dalam dasar kementerian. Sehubungan itu, pada tahun 2011 selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), LPM melaksanakan format Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) baharu yang lebih holistik, kukuh dan selari dengan kurikulum rujukan standard.

Terdapat empat komponen diperkenalkan dalam PBS baharu iaitu Pentaksiran sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Psikometrik, serta Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum. Format pentaksiran baharu membolehkan guru mendapat maklumat secara tetap dan mengambil langkah pemulihan untuk murid mereka. Perubahan ini diharapkan dapat mengurangkan penekanan kepada pengajaran untuk peperiksaan supaya guru dapat menumpukan lebih masa bagi melaksanakan proses pengajaran yang lebih bermakna seperti dihasratkan dalam kurikulum.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Satu pandangan baru tentang ilmu pengetahuan dan cara bagaimana manusia memperoleh ilmu pengetahuan telah mula menarik perhatian para pendidik seluruh dunia. Pandangan baru ini menganggap murid bukan hanya menerima pengetahuan secara pasif daripada



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

gurunya tetapi membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya. Pandangan ini dikenali sebagai konstruktivisme yang mampu menyediakan warganegara yang berupaya menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Sejajar perubahan dalam proses pemerolehan ilmu, kepentingan pentaksiran dilihat lebih meningkat.

Jika sepuluh tahun lalu, guru biasanya menggunakan kaedah pentaksiran seperti ujian di akhir sesi pembelajaran untuk mentaksir pencapaian murid dan menentukan gred, aktiviti pentaksiran kemudiannya divariasikan di pelbagai peringkat pembelajaran. Kuiz diberi bagi memotivasi murid untuk belajar lebih lagi serta membolehkan guru mengenal pasti sejauh mana penguasaan murid terhadap ilmu dan kemahiran yang dipelajari. Tugas atau projek disediakan bagi memberi ruang kepada murid mengembangkan pengetahuan serta kemahiran, selain membolehkan guru mengenalpasti cabaran yang dihadapi murid bagi sesuatu kemahiran yang sedang dipelajari. Proses pentaksiran yang baik seharusnya berlangsung selaras dan serentak dengan proses pembelajaran (Russel & Airasian, 2012).

Pentaksiran untuk pembelajaran atau pentaksiran alternatif biasanya dirujuk sebagai pentaksiran ‘tanpa pen dan kertas’ atau ‘bukan ujian dan peperiksaan’. Sebelum ini, pentaksiran alternatif dipraktikkan di sekolah melalui Penilaian Kerja Amali (PEKA) atau kerja kursus bagi subjek tertentu dan dinilai berasingan dari peperiksaan awam. Melalui pelaksanaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai 2014, pentaksiran alternatif menjadi satu mekanisme pentaksiran yang dinilai setara dengan pentaksiran tradisional.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Terdapat dua trend pendidikan yang menjadikan pentaksiran alternatif diberi lebih penekanan dan diperluaskan pelaksanaannya dalam aspek pentaksiran pembelajaran murid. Pertama, berkaitan dengan perubahan penekanan daripada ujian rujukan norma kepada ujian rujukan kriteria dalam pentaksiran murid dan pentaksiran bilik darjah yang memerlukan pengukuran yang lebih langsung tentang prestasi murid-murid.

Keduanya, teori pembelajaran moden menekankan kepada perlunya memberi tumpuan kepada hasil pembelajaran yang lebih kompleks (misalnya kemahiran menaakul dan berfikir), menggalakkan murid membuat projek yang komprehensif berdasarkan kepada masalah sebenar, dan menggalakkan murid melakukan aktiviti-aktiviti yang membolehkan mereka membina makna sendiri. Transformasi pentaksiran tradisional kepada pentaksiran alternatif dipercayai memberi tambah kepada faktor kemenjadian murid.

Sebagai pentaksir utama murid, guru perlu memahami tujuan dan kepentingan kaedah pentaksiran alternatif dengan baik. Guru datang ke sekolah dengan pelbagai pandangan berkenaan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran. Pandangan ini akan memberi kesan kepada pembelajaran, keputusan yang dibuat serta perkembangan profesional mereka. Berg & Smith (2014) dalam kajiannya mendapati bakal guru di Malaysia mempunyai kebimbangan terhadap beberapa perkara berkaitan pengajaran termasuk kawalan kelas, pengetahuan berkenaan subjek, polisi serta sokongan. Kebimbangan guru ini perlu ditangani dengan baik kerana ia mempengaruhi perasaan dan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tindakan guru berhubung sesuatu tugas yang dilaksanakan dan menentukan kualiti kerja guru serta usaha yang dicurahkan bagi menjayakannya.

Menyedari akan kepentingan mengukur tahap percaya dan sejauh mana guru meyakini kebolehan mereka untuk bertindak sebagai pelaksana pentaksiran alternatif dalam bilik darjah, instrumen pengukuran yang baik mampu berfungsi bagi menghubungkan guru dan pihak-pihak berkaitan seperti pentadbir di pelbagai peringkat. Instrumen pengukuran yang dibina perlu mempunyai kesahan, kebolehpercayaan serta mengandungi item-item dengan statistik item yang baik [American Educational Research Association (AERA), American Psychological Association (APA), & National Council on Measurement in Education (NCME), 1999]. Instrumen yang digunakan bagi sesuatu pengukuran seharusnya bercirikan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berada dalam garis lurus dengan satu arah ufuk mewakili lebih dan satu arah ufuk lagi mewakili kurang (Wright & Masters, 1982).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pengukuran dan penilaian pencapaian murid merupakan salah satu tugas yang paling penting dan sukar bagi guru (Schmitt, 2007). Ianya adalah salah satu komponen utama proses pembelajaran dan meransang pembelajaran bagi memotivasi murid untuk memperbaiki mutu prestasi dan pencapaian akademik. Sistem pentaksiran yang baik telah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dianggap mampu mencungkil potensi dan bakat murid (Eftah Abdullah, 2011). Pentaksiran untuk pengajaran dan pembelajaran atau lebih dikenali sebagai pentaksiran formatif seharusnya dijadikan sebahagian daripada aktiviti pembelajaran yang membantu murid dan memberi maklumat serta eviden perkembangan dan prestasi murid.

Di peringkat kebangsaan seperti yang dijelaskan dalam PIPP, amalan pentaksiran sebelum ini banyak memberi penekanan terhadap pentaksiran sumatif yang hanya menumpu memberi maklumat tentang pencapaian murid dalam pembelajaran tetapi tidak berupaya mengenal pasti kelemahan dan masalah murid dalam pembelajaran. PIPP menekankan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah iaitu pentaksiran yang lebih bersifat holistik bagi memastikan pencapaian murid diukur bersandarkan ujian rujukan kriteria yang memberi penekanan kepada “*task-based assessment*”. PIPP menyatakan bahawa sistem pentaksiran dan penilaian perlu dikaji semula untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. PIPP melalui perencanaan SPPK menggariskan tiga strategi perubahan untuk menyediakan pentaksiran alternatif, mengkaji semula sistem pentaksiran berorientasikan peperiksaan dan memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian. Seterusnya keperluan pentaksiran bagi menjamin kemenjadian murid diperkuuh melalui PPPM yang menekankan pemantapan proses pentaksiran sebagai satu proses pembelajaran berterusan bagi murid.

Namun begitu, perubahan dalam kaedah pentaksiran semata adalah tidak berkesan sebagai langkah holistik dalam menghadapi pelbagai masalah pentaksiran dan pembelajaran. Selain amalan pentaksiran tradisional yang diamalkan sekian lama,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi